

**PENINGKATAN KEMAHIRAN MENULIS NAMA SENDIRI DALAM
TULISAN RUMI MURID PRASEKOLAH DENGAN KAEDAH VAKT****GOH CH'NG HOCK & NG PHAIK HOON**

chenghockgoh@yahoo.com

Institut Pendidikan Guru Kampus Tengku Ampuan Afzan**Abstrak**

Kajian tindakan ini bertujuan untuk melihat bagaimana saya dapat meningkatkan kemahiran menulis nama sendiri dalam tulisan Rumi murid prasekolah dengan menggunakan kaedah VAKT. Seramai enam orang murid prasekolah yang berumur enam tahun dari SJKC Padang Besar Utara, telah menjadi kumpulan sasaran dalam kajian ini. Murid-murid ini terlibat secara langsung kerana mendapati mereka kurang mantap dari segi penulisan nama sendiri mereka. Data yang dikumpul menunjukkan kemajuan penguasaan menulis nama responden diperolehi melalui pemerhatian, analisis dokumen, temu bual berstruktur serta penilaian termasuk ujian satu dan ujian dua. Terdapat peningkatan positif dalam kemahiran menulis nama sendiri peserta melalui analisis dokumen yang terdiri daripada gambar dan senarai semak. Hasil temu bual bersama ibu atau bapa responden dan guru prasekolah juga bersetuju bahawa responden menunjukkan kemajuan menulis nama sendiri. Ujian yang dijalankan juga menunjukkan pertambahan markah dari segi bilangan huruf yang betul. Cadangan kajian tindakan untuk kitaran yang seterusnya ialah meningkatkan lagi tempoh masa kajian, bilangan peserta kajian, dan penggunaan VAKT dengan bantuan multimedia.

Kata kunci: murid prasekolah, kaedah VAKT, pemerhatian, analisis dokumen, temubual berstruktur dan ujian satu dan ujian dua.

PENGENALAN

Kaedah VAKT adalah satu kaedah membaca pelbagai deria (Multisensory Reading Method). Kaedah ini telah diperkenalkan oleh Dr. Samuel Torrey Orton. Bleu (1982) telah menggunakan kaedah VAKT yang diperkenalkan oleh Dr Samuel Torrey Orton dalam membantu murid disleksia mengaplikasikan kesemua deria penglihatan (visual), pendengaran (auditori), pergerakan motor sensori (kinestetik) dan sentuhan (taktil). Tindakan beliau berjaya membantu murid mengeja dan membaca.

Kaedah VAKT telah digunakan dalam kajian saya yang menggabungkan deria penglihatan dan pendengaran dalam kemahiran menulis pada permukaan taktil melalui pergerakan motor sensori iaitu kinestetik. Dalam kaedah ini, responden melihat dan menyebut perkataan sambil menulis perkataan itu berdasarkan ingatan mereka. Kaedah ini menggunakan prosedur pengajaran seperti berikut iaitu responden akan memerhati huruf dan perkataan dalam nama sendiri mereka, kemudian mereka menyebut perkataan tersebut, selepas itu, mereka merasakan pergerakan otot semasa membuat surihan huruf dan akhirnya mereka cuba menulis perkataan itu pada permukaan taktil yang berbeza berdasarkan ingatan mereka. Malah, prosedur dalam kaedah VAKT ini akan diulang-ulang sehingga nama penuh sendiri murid dapat ditulis dengan betul.

Refleksi Pengajaran dan Pembelajaran

Semasa saya menjalankan kajian untuk mengajar murid-murid pendidikan prasekolah di Taman Bahagia, Jitra pada tahun yang lepas, saya telah mendapati proses pengajaran dan pembelajaran agak terganggu dan tidak lancar kerana terdapat segelintir murid yang belum menguasai kemahiran menulis. Beberapa cara telah digunakan untuk mengatasi masalah tersebut tetapi masih terdapat enam orang murid daripada sembilan orang murid yang belum menguasai kemahiran mengecam, menyebut dan menulis nama sendiri dalam tulisan Rumi dengan baik terutamanya murid yang berlainan kaum.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian wujud apabila masalah kemahiran menulis nama sendiri murid selalu timbul bukan sahaja di prasekolah malah di sekolah rendah tahun 1. Difahami juga masalah ini turut wujud dalam aliran perdana tahap rendah iaitu murid tahun satu, dua dan tiga. Masalah ini amat merisaukan kerana kemahiran menulis ini amat penting dan berguna pada masa kelak. Justeru, keinginan untuk menjayakan kemahiran menulis nama sendiri murid sejak awal lagi, bak kata pepatah 'melentur buluh biarlah dari rebungnya' yang menggunakan kaedah VAKT dijadikan fokus kajian.

Tinjauan Literatur Berkaitan Dengan Isu Kajian

Menurut kajian Mohamad Alwan bin Baharudin (2012) yang mengatakan bahawa penggunaan bahan dan kaedah VAKT ini dapat membantu kanak-kanak yang mengalami masalah bacaan yang teruk. Hal ini telah menguatkan lagi pegangan saya untuk memasukkan unsur VAKT di dalam pengajaran dan pembelajaran yang dibina. Bahan yang mengandungi kaedah VAKT bersesuaian dengan murid kerana murid boleh menggunakan pelbagai deria mereka semasa belajar. Penglibatan deria akan memantapkan lagi kefahaman murid dalam mengenal huruf dan memudahkan lagi sesi intervensi.

Oleh sebab saya telah membaca kajian lepas Mohammad Alwan ini, saya mendapat idea bahawa kaedah VAKT juga boleh membantu responden saya meningkatkan kemahiran menulis terutamanya dalam menulis nama sendiri mereka. Walaupun kajian yang dijalankan oleh beliau berjaya untuk meningkatkan penguasaan dalam kemahiran membaca oleh murid pendidikan khas. Namun, saya akan cuba menggunakan kaedah VAKT yang melibatkan pelbagai deria bagi membantu responden meningkatkan kemahiran menulis nama sendiri mereka. Walaubagaimanapun, melalui kaedah VAKT ini saya berharap murid berupaya menulis nama sendiri mereka dalam lembaran kerja yang diberikan.

Kajian lepasan Qamarul Azizi bin Abas (2014) yang menggunakan pendekatan kaedah VAKT dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf konsonan dalam kalangan murid 'slow learner'. Kajian yang telah dilaksanakan oleh beliau yang menggunakan pelbagai deria VAKT sebagai intervensi telah membuktikan bahawa kemahiran menulis huruf konsonan responden dapat ditingkatkan. Oleh hal yang demikian, saya ingin mencubakan kaedah pelbagai deria VAKT ini sesuai untuk digunakan oleh para guru dalam meningkatkan kemahiran menulis huruf dalam kalangan murid. Dengan petunjuk yang diberikan oleh beliau, saya mempunyai lebih keyakinan untuk menggunakan kaedah VAKT bagi membantu murid prasekolah menulis nama sendiri dengan betul. Kejayaan beliau menggunakan kaedah VAKT terutamanya dalam kemahiran menulis huruf memberi saya harapan bahawa kajian yang bakal dilaksanakan menggunakan kaedah yang sama akan berjaya mencapai objektif kajian.

OBJEKTIF KAJIAN/ SOALAN KAJIAN

Menambahbaik kemahiran menulis nama sendiri dalam tulisan Rumi murid prasekolah dengan menggunakan kaedah VAKT.

Objektif Khusus

Responden dapat menulis nama sendiri dalam tulisan Rumi dalam lembaran kerja/ buku latihan atau muka depan buku teks dengan betul setelah kaedah VAKT digunakan.

KUMPULAN SASARAN

Terdapat enam orang murid yang berumur lima tahun sahaja dijadikan kumpulan sasaran dalam kajian saya. Mereka terdiri daripada tiga orang murid lelaki dan tiga orang murid perempuan. Antara di mereka, terdapat dua orang yang berbangsa Cina manakala empat orang lagi berbangsa Siam.

Daripada pemerhatian saya, mereka merupakan kumpulan murid yang paling memerlukan bantuan untuk meningkatkan kemahiran menulis. Tahap penguasaan dalam kemahiran menulis amat lemah berbanding rakan-rakan yang

lain dalam prasekolah. Justeru, saya mengambil keputusan untuk menjalankan kajian ke atas murid-murid ini bagi mengenalpasti keberkesanan intervensi iaitu kaedah VAKT dalam membantu responden yang tidak dapat mengikuti pengajaran dan pembelajaran melalui kaedah tradisional yang dijalankan selama ini.

TINDAKAN YANG DIJALANKAN

Penyelidikan ini mengaplikasikan model penyelidikan Kurt Lewin (1946) dan Laidlaw (1992) sebagai asas dalam kajian tindakan ini. Model ini menghuraikan penyelidikan tindakan sebagai proses lingkaran dalam beberapa tahap yang berkaitan. Kajian tindakan juga digunakan untuk memperbaiki keadaan semasa peserta kajian. Terdapat lima peringkat dalam proses penyelidikan tindakan yang diadaptasi oleh Lewin dan Laidlaw, iaitu mengenalpasti aspek amalan, perancangan, tindakan atau implementasi, pengumpulan data dan refleksi.

Berikut ialah cara pelaksanaan kaedah VAKT dalam pengajaran menulis nama sendiri peserta kajian. Murid akan melihat huruf yang terdapat dalam nama sendiri, kemudian responden mendengar guru menyebutkan huruf dalam nama sendiri, barulah responden merasakan pergerakan otot semasa membuat surihan huruf, dan akhirnya peserta akan cuba menulis nama sendiri pada permukaan yang kasar dan licin. Latih tubi selama 15 minit yang menggunakan kertas garis tiga bagi meningkatkan kefahaman dan daya ingatan murid untuk menulis nama sendiri mereka setelah beberapa latihan diberikan dalam kaedah VAKT ini. Mereka mengulangi kemahiran menulis nama mereka dalam buku garis tiga yang telah disediakan supaya responden lebih biasa untuk menulis nama sendiri pada lembaran kerja/ buku latihan dan muka depan buku teks.

CARA PENGUMPULAN DATA


Pengumpulan data merupakan satu proses yang amat penting dalam melakukan kajian tindakan kerana data-data tersebut akan mengukuhkan lagi kefahaman tentang sesuatu fokus kajian yang akan dijalankan. Oleh itu, dalam kajian tindakan ini, saya menggunakan beberapa cara untuk mengumpul data. Cara yang digunakan adalah pemerhatian, analisis dokumen dan gambar, temu bual berstruktur serta penilaian: ujian pra dan ujian pos.

Jadual 1

Cara pengumpulan data secara ringkas


Data	Cara dan Masa Data dikutip
1. Pemerhatian	Sewaktu membuat lembaran kerja - Saya telah menilai melalui pemerhatian terhadap enam orang responden dengan

	bantuan senarai semak dan rakaman video.
2. Analisis dokumen	Semasa aktiviti membuat lembaran kerja <ul style="list-style-type: none"> - Gambar murid menuliskan nama sendiri sebelum bermula membuat lembaran kerja.
3. Temu bual berstruktur	Waktu lapang <ul style="list-style-type: none"> - Bertanya kepada guru prasekolah tentang tahap penguasaan kemahiran menulis peserta kajian. - Bertanya kepada ibu atau bapa responden tentang tahap kefahaman terhadap kemahiran menulis nama sendiri anak mereka.
4. Penilaian: Ujian Satu dan Ujian Dua	Sebelum intervensi dan selepas intervensi <ul style="list-style-type: none"> - Menulis nama sendiri atas sekeping kertas garis tiga dalam lingkungan masa yang ditetapkan iaitu 15 minit. - Intepretasi skor markah dibuat bagi melihat pencapaian murid dalam graf.



Rajah 1. Aspek-aspek pemerhatian melalui senarai semak yang dikuasai oleh responden dalam intervensi pertama

Analisis dapatan aspek-aspek **pemerhatian** yang terdapat dalam Rajah 1 dalam senarai semak pemerhatian bagi intervensi kali pertama menunjukkan peserta A,B,C,D, dan F dapat menguasai kemahiran menulis nama sendiri dengan kaedah VAKT yang dijalankan. Namun, peserta E masih lemah dalam salah satu aspek antara ketujuh-tujuhnya, iaitu peserta E kurang dapat menulis nama sendiri dengan betul. Peserta E sering lupa tentang urutan huruf yang terdapat dalam namanya dan seringkali keliru dengan huruf ‘a’ dan ‘v’ yang terdapat dalam namanya. Walaubagaimanapun, dengan ulangan kaedah VAKT dan bimbingan yang diberikan, peserta E dapat menulis namanya dalam urutan yang betul dalam intervensi kali kedua. Tambahan pula, dengan galakkan dan bimbingan yang penuh kesabaran daripada saya menjadikan peserta E lebih berkeyakinan untuk menulis nama sendiri pada lembaran kerja/ buku latihan atau muka depan buku teks.




Rajah 2. Skor perbandingan peratus pencapaian penulisan nama sendiri responden A hingga F dalam analisis dokumen iaitu lembaran kerja/ buku latihan atau muka depan buku teks **sebelum dan selepas** kaedah VAKT dijalankan

Rajah 2 telah membuktikan bahawa ketiga-tiga responden C,E dan F telah menunjukkan peningkatan dalam kemahiran menulis nama sendiri selepas aktiviti intervensi dijalankan. Boleh dilihat juga sebelum aktiviti-aktiviti intervensi dijalankan, responden C, E dan F mendapat skor 0% dalam kemahiran menulis nama sendiri dalam lembaran kerja/ buku latihan atau muka depan buku teks. Namun, selepas aktiviti-aktiviti intervensi, responden C, E dan F masing-masing mendapat gred lulus iaitu peserta C dan F mencapai 100% manakala peserta E mencapai 88.8% dalam kemahiran menulis nama di lembaran kerja/ buku latihan atau muka depan buku teks. Analisis dokumen responden telah menunjukkan keberkesanan kaedah VAKT dalam membantu responden menguasai kemahiran menulis nama sendiri.

Hasil **temu bual** juga membuktikan bahawa kemahiran menulis nama sendiri boleh dijayakan dengan penggunaan kaedah VAKT. Hal ini kerana hasil

temu bual yang didapati daripada ibu atau bapa responden dan guru prasekolah, peserta C dan E telah dapat menguasai kemahiran menulis nama sendiri selepas kaedah VAKT dijalankan.



Rajah 3. Perbandingan pencapaian skor markah kemahiran menulis nama sendiri dalam ujian satu dan ujian dua.

Berdasarkan hasil dapatan ujian satu dan ujian dua di atas, saya mendapati keenam-enam responden menunjukkan maklum balas yang positif. Peserta A telah meningkat dari gred B ke gred A iaitu peningkatan peratusan sebanyak 30%. Peserta B pula meningkat sebanyak 14.28% sahaja kerana dalam ujian dua, peserta tertulis huruf kecil dalam namanya. Seterusnya peserta C meningkat sebanyak 100% dengan cemerlangnya setelah menjalankan aktiviti intervensi iaitu kaedah VAKT manakala peserta D meningkat sebanyak 10% sahaja kerana tulisannya mengelirukan saya. Peserta E pula telah meningkat sebanyak 66.7% dan peserta F meningkat sebanyak 18.2%. Walaubagaimanapun, pencapaian yang diperolehi oleh keenam-enam responden adalah tinggi dan telah mencapai objektif kajian. Hal ini kerana hasil pembelajaran murid dikira tercapai sekiranya mereka memperoleh 50% dan ke atas daripada interpretasi skor markah yang direka cipta oleh e-pantau Jabatan Pelajaran Negeri Terengganu di Jadual 1.

Jadual 1

Interpretasi skor markah

Gred	Markah (%)	Analisis	Kelayakan
A	90-100	Cemerlang	Lulus
B	70-89	Baik	Lulus
C	50-69	Sederhana	Lulus
D	30-49	Lemah	Gagal
E	10-29	Sangat Lemah	Gagal
F	0-9	Teruk	Gagal

CADANGAN KAJIAN SETERUSNYA

Berdasarkan hasil analisis dan dapatan kajian yang telah diperoleh, beberapa cadangan untuk dipertimbangkan sebagai penambahbaikan untuk kitaran seterusnya. Antaranya ialah panjangkan tempoh masa kajian. Hal ini demikian kerana kejayaan sesuatu kajian tindakan dipengaruhi oleh tempoh masa kajian yang digunakan. Tempoh masa kajian hendaklah sesuai dengan tahap pencapaian murid yang saya ingini. Jika responden menunjukkan tahap pencapaian yang kurang memuaskan, saya boleh meluangkan lebih banyak masa berbanding dengan responden yang lain. Tambahan pula, tempoh masa kajian bukan sahaja berdasarkan keupayaan mental dan fizikal responden tersebut, malah perlulah bersesuaian dengan objektif kajian yang dijalankan.

Di samping itu, saya bercadang untuk menambahkan unsur multimedia dalam kaedah VAKT dan mengubahsuai kaedah VAKT dalam bentuk video atau media elektronik yang lain selaras dengan kehendak globalisasi yang mementingkan penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam bidang pendidikan. Media elektronik yang melibatkan animasi yang menarik lagi berbunyi merdu pasti dapat meningkatkan perhatian dan minat murid untuk belajar, di samping meningkatkan kemahiran murid dalam penggunaan komputer kerana setiap murid mempunyai gaya pembelajaran yang berlainan. Justeru, proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan efektif dan menyeronokkan.

Penggunaan kaedah VAKT harus diperluaskan supaya dapat meningkatkan kemahiran menulis dalam kalangan murid pemulihan, prasekolah dan aliran perdana, memandangkan aktiviti intervensi dalam kajian yang telah dijalankan ini berpengaruh positif dalam meningkatkan kemahiran menulis nama sendiri murid prasekolah.

Saya juga mencadangkan agar bilangan responden dalam kajian yang seterusnya dapat ditambah supaya lebih banyak responden diberi peluang dan mendapat manfaat dengan menggunakan kaedah VAKT. Hal ini demikian kerana intervensi yang dijalankan iaitu kaedah VAKT sudah terbukti dapat menguasai kemahiran menulis nama sendiri dalam kalangan murid prasekolah.

SENARAI RUJUKAN

- Bleu (1982). *Kajian Tindakan: Konsep dan Amalan dalam pengajaran*. Penerbitan Multimedia: Selangor Darul Ehsan.
- Mohammad Alwan Bin Baharudin (2012). *Keberkesanan Teka Silang Kata Interaktif dalam meningkatkan penguasaan kemahiran mengeja terhadap murid pendidikan khas*. Dipetik dari <http://mylib.cakna.net/index.php/2014/article/viewFile/615/596>

Qamarul Azizi Bin Abas (2014). *Meningkatkan Kemahiran Menulis Huruf Konsonan dalam kalangan murid 'slow learner' dengan menggunakan pendekatan kaedah VAKT.* Dipetik dari http://www.penyelidikan.ipgkik.net/images/KajianTindakan/Tahun2014/3_2014prosiding.pdf